

**Kempen 'MyDaftar' Diteruskan Bantu Masyarakat India Dapat Dokumentasi
Bernama
26 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Kempen 'MyDaftar' diteruskan bagi membantu masyarakat keturunan India di negara ini yang tidak memiliki dokumen berkaitan kelahiran, pengenalan dan kewarganegaraan menyelesaikan masalah dokumentasi, kata Penyelaras Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India, Jabatan Perdana Menteri Datuk Siva Subramaniam.

Beliau berkata kempen MyDaftar, yang sepatutnya berakhir 5 Mac lepas selepas dilancarkan pada 23 Feb tahun lepas itu dilanjutkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan sebagai usaha berterusan kerajaan untuk menyelesaikan masalah masyarakat India di negara ini.

Siva Subramaniam dalam sidang media di sini hari Khamis berkata masih terdapat masyarakat India tanpa dokumen di negara ini yang gagal memanfaatkan kempen 'MyDaftar' untuk menyelesaikan masalah dokumentasi mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662172>